



ZIA DANAU TOK UBAN CATAT
KELUARAN 227 TAN METRIK, JANA
RM1.8 JUTA TAHUN 2024

ANAK SENI DIANGKAT MARTABAT,
SENI DIJULANG BERSAMA DAKWAH
— YB MOHD ASRI

PESTA WAU ANTARABANGSA
KELANTAN 2025 TARIK 216
PESERTA

FESTIVAL SENIMAS ANGKAT WARISAN, EKONOMI ANAK MUDA BERLANDASKAN SYARIAT ISLAM

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 31 Mei – Festival Seni Mas ialah satu manifestasi kesenian berteraskan nilai-nilai Islam yang menonjolkan keindahan, kreativiti dan kesucian dalam setiap hasil seni yang dipamerkan oleh anak-anak muda tempatan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata festival yang mengetengahkan pelbagai aktiviti seperti jualan barang terpakai dan kraftangan tempatan tersebut memberi peluang kepada pengunjung untuk menghayati seni dan budaya. Sekali gus mengangkat warisan nenek moyang yang dipertahankan dengan penuh kebanggaan.

Penganjuran festival berkenaan juga mematuhi segala garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

“Lebih membanggakan, festival ini memperlihatkan keterlibatan aktif anak-anak muda dalam industri ‘bundle’ yang semakin berkembang dan menjadi salah satu sumber pendapatan utama bagi golongan belia.

“Melalui industri ini, mereka bukan hanya mampu menjana pendapatan sendiri, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan negara.

“Dengan program-program



seperti ini, insya Allah, kita bukan sahaja memberi ruang kepada anak muda menjana pendapatan, tetapi dalam masa yang sama memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk mengisi masa berkualiti bersama keluarga melalui hiburan yang berlandaskan syariat Islam.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Festival Bundle dan Kesenian Anak Mudak (SeniMas), di Dewan Majlis Daerah Pasir Mas, pada Jumaat.

Katanya lagi, anak-anak muda hari ini disifatkan sebagai cerminan masa depan sesebuah bangsa. Mereka adalah pewaris kepada amanah kepimpinan dan penentu hala tuju negara.

“Dengan semangat, kreativiti dan kegigihan yang ditunjukkan, masa depan anak muda Kelantan dilihat amat cerah.

“Para cendekiawan ada mengatakan, kalau kita ingin lihat masa depan, lihatlah anak muda hari ini. Insya Allah, saya yakin anak-anak muda di Pasir Mas dan di Kelantan secara umumnya mempunyai masa depan yang sangat baik,” tambahnya.

Festival itu juga menjadi platform penting dalam memartabatkan kesenian tempatan, memperkasa ekonomi anak muda serta melestarikan warisan budaya yang menjadi identiti negeri Kelantan.

Tambah YB Zamakhshari, beberapa isu berkaitan anak muda seperti peluang pekerjaan, ekonomi dan masa depan mereka turut diambil perhatian serius oleh kerajaan negeri.

“Usaha berterusan sedang dilakukan termasuk kerjasama erat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan ke arah itu.

“


Melalui industri ini, mereka bukan hanya mampu menjana pendapatan sendiri, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan dan negara,”

“Kalau kita lihat hari ini, hubungan YAB Menteri Besar Kelantan dengan Perdana Menteri sangat baik. Kita mengamalkan budaya politik matang dan sejahtera. Sebab itulah banyak projek pembangunan di peringkat persekutuan telah diluluskan untuk Kelantan,” ujarnya lagi.

Antara projek mega yang bakal memberi impak besar kepada negeri termasuklah projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangka siap pada Januari 2027.

Projek tersebut dijangka akan membawa limpahan ekonomi dan membuka banyak peluang pekerjaan serta perniagaan kepada rakyat, khususnya anak-anak muda Kelantan.

Turut hadir, Penyelaras Belia Pasir Mas merangkap Pengerusi Belia Prihatin Pasir Mas Mohd Syakir Dato’ Mohd Nassuruddin.



UBAH PERSEPSI BERTANI SEBAGAI KERJA LAPUK, TIDAK UNTUNG – TMB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTEH, 29 Mei – Masyarakat diseru agar segera mengubah persepsi negatif bahawa pekerjaan dalam sektor pertanian adalah lapuk dan tidak menjanjikan pulangan lumayan, sebaliknya melihatnya sebagai industri strategik yang menjamin masa depan negara.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menegaskan bahawa kerajaan negeri kekal istiqamah dalam melestarikan amanat mantan Menteri Besar Almarhum YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa Kelantan akan terus berdiri teguh sebagai negeri pertanian.

“Meskipun negeri-negeri lain bergerak ke arah perindustrian, Kelantan tetap dengan pendirian menjadikan sektor pertanian sebagai tunjang pembangunan negeri.

“Almarhum Tok Guru Nik



Abdul Aziz sangat berpandangan jauh. Beliau menegaskan bahawa Kelantan harus menjadi ‘Baloh Negara’. Kini seluruh dunia bercakap tentang sekuriti makanan, dan inilah bukti betapa visi beliau mendahului zaman,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas merasmikan Karnival Bio Kelantan (BioK) dan Ekspo Dapur Hijau (EDH) 2025 yang berlangsung di Pantai Bisikan Bayu, di sini, hari ini.

Tambahnya, penglibatan golongan muda dalam bidang pertanian dan industri hiliran makanan amat

penting demi memastikan kesinambungan pengeluaran makanan negara dapat dipertahankan dalam jangka panjang.

“Anak muda perlu bangkit mengambil peluang dalam sektor pertanian moden, menggunakan teknologi canggih termasuk kecerdasan buatan (AI), automasi dan kaedah inovatif bagi menghasilkan produk berdaya saing untuk pasaran tempatan dan peringkat antarabangsa,” katanya.

Menurutnya lagi, pendekatan kreatif dan integrasi teknologi dalam bidang pertanian bukan sahaja

meningkatkan produktiviti dan mampu mengangkat martabat pekerjaan tersebut setanding industri lain yang lebih konvensional.

“Karnival BioK dan EDH 2025 merupakan salah satu platform terbaik sinergi 36 agensi kerajaan negeri dalam mempromosi kelestarian pertanian berasaskan teknologi hijau, serta mengetengahkan produk tempatan dalam ekosistem bioindustri dan pemakanan sihat, sekali gus memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keselamatan makanan dan pemuliharaan sumber alam,” jelasnya.



ZIA DANAU TOK UBAN CATAT KELUARAN 227 TAN METRIK, JANA RM1.8 JUTA TAHUN 2024



Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 26 Mei – Zon Industri Akuakultur (ZIA) Danau Tok Uban (DTU) terus mencatat pencapaian memberangsangkan apabila merekodkan keluaran sebanyak 227 tan metrik hasil ternakan ikan sangkar bagi tahun 2024, dengan nilai pasaran mencecah RM1.8 juta.

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan Ismail Ibrahim berkata, pencapaian tersebut melibatkan penyertaan seramai 86 penternak yang mengusahakan ternakan ikan dalam 728 sangkar di tasik berke-

naan.

“DTU telah dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi sejak 2018, dengan permulaan melibatkan 35 penternak dan 134 petak sangkar.

“Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Kelantan turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM150,000 bagi bantuan sangkar dan input penternakan, yang seterusnya menyaksikan peningkatan kepada 49 penternak dengan 364 petak sangkar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat sempena lawatan rasmi Menteri Besar Kelan-

tan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud ke Jajahan Pasir Mas, termasuk kunjungan ke ladang solar terapung di Danau Tok Uban, pada Khamis.

Pada tahun 2020, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan pewartaan tasik Danau Tok Uban sebagai kawasan Zon Industri Akuakultur, dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Besar ketika itu, YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Dr. Mohd Amar Abdullah.

Menurut Ismail, pengiktirafan

DTU sebagai ZIA telah memudahkan proses penyaluran peruntukan daripada kerajaan, sekali gus mempercepat peningkatan taraf sosioekonomi komuniti penternak setempat.

“Melalui projek ini, bilangan penternak dan jumlah sangkar terus bertambah dan kini mencecah 728 petak. Jabatan Perikanan Kelantan menyasarkan 1,000 petak sangkar menjelang 2030, selari dengan usaha menjadikan ZIA Danau Tok Uban sebagai destinasi agropelancongan yang mempromosikan industri akuakultur secara mampan,” jelasnya.



ANAK SENI DIANGKAT MARTABAT, SENI DIJULANG BERSAMA DAKWAH — YB MOHD ASRI

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 25 Mei - “Seni ialah ruang dakwah yang penuh hikmah. Rasulullah SAW juga insan seni yang lunak dalam komunikasi, halus dalam menyampaikan. Justeru, anak seni perlu diraikan, bukan disisihkan.”

Demikian ujar Exco Pembangunan Islam, Penerangan, Dakwah dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Md Daud dalam ucapan alu-aluannya pada program Bicara Selebriti anjuran Kerajaan Negeri Kelantan melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) di Perkarangan AEON Mall, Lembah Sireh, pada Jumaat.

Beliau menyifatkan kehadiran selebriti dan anak seni dalam program tersebut sebagai satu ruang untuk mengangkat martabat seni dan budaya ke tahap lebih tinggi.

“Almarhum Tok Guru Nik Aziz pernah menyebut, seni itu hikmah dan kebijaksanaan. Ia bukan hanya hiburan kosong, malah menjadi alat komunikasi yang menyentuh hati, terutama dalam pendekatan dakwah,” katanya.

YB Mohd Asri turut menekankan peranan seni sebagai medium komunikasi yang halus dan berkesan, seiring prinsip Islam yang memaafkan kesalahan dan sentuhan insani dalam mendidik masyarakat.

“Kita letakkan anak seni dalam kedudukan yang tinggi dalam pentadbiran MBI (Membangun Bersama Islam). Sebab kita percaya Dikir Barat boleh jadi ruang dakwah seperti khouli di Pakistan yang memuji Rasulullah SAW,” ujarnya.



Turut disentuh dalam sesi tersebut ialah sejarah kegemilangan seni Islam pada era kegemilangan Andalusia apabila tokoh muzik seperti Abul Hasan Ali Ibn Nafi atau lebih dikenali dengan nama Ziryab menjadi rujukan dunia kerana keindahan suara dan ciptaan alat muziknya.

Program yang bertemakan Seni dan Budaya itu menyaksikan dua tokoh seni tersohor Sabri Yunus dan Ardini Angeline Tan yang berkongsi kisah perjalanan hidup serta pandangan mereka terhadap dunia seni, budaya dan dakwah.

Sabri Yunus, yang dianugerahkan ikon Duta Seni Anak Kelantan, menyifatkan program tersebut sebagai satu langkah berani dan progresif Kerajaan negeri dalam mengarusperdanakan seni tempatan yang bermaruah dan bernilai tinggi.

“Program seni seperti ini mesti dianjurkan secara konsisten. Jangan hanya ukur kejayaan melalui program pertama,” ujarnya sambil berkongsi kenangan zaman kecilnya di Kampung Landak, sebuah

perkampungan tanpa bekalan elektrik sedangkan kampungnya berhampiran premis kerajaan.

Beliau berkata, seni telah menyelamatkan kehidupannya daripada kesempitan. Sekali gus menepis tanggapan bahawa seni adalah milik golongan tercicir.

“Seni bukan lagi ‘hiburan kelas bawahan’. Di negara maju seperti Perancis, seniman dihormati, bahkan memiliki gelaran kedoktoran. Melukis, berlakon, menulis — semuanya perlukan ilmu,” katanya sambil menegaskan bahawa bakat hanyalah 20 peratus, selebihnya usaha dan pendidikan.

Ardini Angeline Tan, dalam sesi bicara yang sama, menyifatkan suaminya, Sabri, sebagai “ensiklopedia” dalam dunia seni.

Beliau mengimbau kembali detik awal penglibatannya dalam bidang lakonan sejak tahun 1986, serta kenangan membintangi sitkom popular Pi Mai Pi Mai Tang Tu pada 1994.

“Saya dibesarkan di Brickfields dalam komuniti India. Dunia seni membuka ruang interaksi antara

kaum yang begitu indah,” katanya.

Sabri turut mengangkat contoh Dikir Barat yang kini diiktiraf sebagai seni rakyat dan diminati di negara seperti Jepun dan Singapura.

Menurutnya, walaupun seni tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan Selampit semakin kurang mendapat perhatian generasi muda sejak tahun 1970-an, namun seni-seni rakyat seperti Dikir Barat mampu dikembangkan.

Menutup bicara, YB Mohd Asri mengucapkan penghargaan kepada pasangan selebriti itu serta UPKN selaku urusetia utama program yang berjaya menarik kehadiran pengunjung pelbagai lapisan masyarakat.

“Insya-Allah, program seperti ini akan diteruskan bersama selebriti lain dengan tema berbeza sepanjang tahun ini,” katanya sambil menyifatkan kerjasama AEON Mall sebagai contoh sinergi sektor swasta dalam memartabatkan seni Islami.



KBC-BIOECONOMY SEPAKAT LONJAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BIOTEKNOLOGI, BIOEKONOMI



Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTIH, 29 Mei — Kerjasama strategik di antara Kelantan Bio-tech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) dan Malaysia Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) dimeterai sebagai pemacu baharu dalam merencanakan pembangunan industri bioteknologi dan bioekonomi negeri Kelantan secara menyeluruh, mampan dan berimpak tinggi.

Bioeconomy Corporation merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab memperkasa industri bio negara melalui khidmat nasihat, sokongan pelaburan, pembangunan modal insan dan ekosistem perundangan.

Manakala KBCSB pula berper-

anan sebagai syarikat utama negeri dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan produk serta perkhidmatan bioteknologi berasaskan pertanian.

Menerusi sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KBCSB yang diwakili Pengarahnya, Lim Guan Seng bersama pengurusan tertinggi syarikat tersebut dengan Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation Khairul Fidzal Abdul Razak dan Naib Presiden, Fadzin Azwar Abdul Aziz, mewakili agensi nasional itu.

Momen bersejarah itu disaksikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr. Mohamed fadzli Hassan bersama Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang juga Pengerusi

Lembaga Pengarah KBCSB sempena Karnival Bio Kelantan (BioK) 2025 di Rhu Rehlah Pantai Bisikan Bayu, hari ini.

Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata kerjasama tersebut bakal membuka laluan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif berasaskan bio yang lebih terancang dan berdaya saing.

Beliau yakin enam teras utama kerjasama dipersetujui melalui MoU berkenaan antaranya termasuk penyediaan rangka Polisi Bioteknologi Negeri Kelantan, pengumpulan data dan maklumat syarikat serta usahawan bio, penerokaan peluang pendanaan dan pelaburan, serta inisiatif pembangunan bakat baharu dalam bidang bioteknologi mampu mencapai objektif yang disasarkan.

“Kerjasama ini bakal menyokong agenda negeri ke arah menjadikan bioteknologi sebagai salah satu pemacu ekonomi baharu Kelantan, selari dengan aspirasi Kelantan Sejahtera.

“Inisiatif ini juga dijangka membuka lebih banyak ruang penyer-taan kepada usahawan tempatan dan golongan muda dalam sektor bio melalui program pembangunan kapasiti dan penerokaan pasaran baharu di peringkat domestik dan antarabangsa,” jelasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa Kelantan bersedia melonjak sebagai antara negeri terkehadapan dalam memperkasa potensi sektor bioekonomi negara berpaksikan inovasi, kelestarian dan manfaat kepada rakyat secara menyeluruh.



KELANTAN TIDAK TERLIBAT DALAM SKIM RUMAH PERTAMA KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 27 Mei — Kerajaan Negeri Kelantan menafikan sebarang penglibatan dalam Skim Rumah Pertama Kelantan (SRPK) yang tular di media sosial baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pe-

rumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menjelaskan bahawa kerajaan negeri hanya melaksanakan Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK), yang dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Perumahan Negeri Kelantan.

“Permohonan bagi Program RMMK boleh dibuat secara fizikal di Kaunter Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK) atau secara dalam talian menerusi laman sesawang rasmi: <https://eperumahan.kelantan.gov.my>,” katanya.

Kenyataan tersebut disiarkan menerusi laman sosial media be-

liau pada Isnin.

Menurutnya, sebarang skim perumahan lain termasuk SRPK bukan di bawah kendalian, pengesahan atau pengiktirafan kerajaan negeri.

“Tiada sebarang borang rasmi atau pelantikan kepada mana-mana syarikat swasta bagi menjual rumah di bawah skim SRPK yang dikeluarkan oleh Bahagian Perumahan atau mana-mana agensi kerajaan negeri,” katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang isu perundangan atau pertikaian kontrak melibatkan pembeli rumah dan

ejen jualan atau broker berkaitan SRPK.

Sehubungan itu, YB Hilmi menasihati orang ramai agar berurusan terus dengan institusi kewangan atau bank yang dilantik oleh Jabatan Perumahan Negara bagi mendapatkan pembiayaan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), selain merujuk terus kepada ejen swasta terbabit sekiranya berminat dengan SRPK.

Orang ramai turut diingatkan agar sentiasa berhati-hati dan mendapatkan maklumat yang sahih sebelum membuat sebarang keputusan berkaitan pembelian rumah.

PESTA WAU ANTARABANGSA KELANTAN 2025 TARIK 216 PESERTA

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 25 Mei- Pesta Wau Antarabangsa Kelantan kali ke-42 yang berlangsung dari 21 hingga 24 Mei, di Pantai Irama Bachok telah menarik 216 peserta dari dalam dan luar negara.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, penganjuran kali ini telah berjaya menarik penyertaan yang amat menggalakkan melibatkan kira-kira 200 peserta dari seluruh Malaysia iaitu dari Kelantan, Terengganu, Perlis, Pahang, Johor, Sabah, Sarawak, Selangor dan Kedah.

“Manakala 16 peserta pula mewakili enam negara iaitu Amerika Syarikat-1, China-2, Thailand-5), Ukraine dan Singapura-2 dan Indonesia-4,” katanya ketika berucap di majlis perasmian dan penyampaian hadiah Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2025, di Pantai Irama Bachok pada Sabtu.

Kata Datuk Kamarudin lagi,



pesta tersebut merupakan platform penting untuk memartabatkan seni wau di peringkat global.

“Apabila kita menganjurkan program bertaraf antarabangsa, kita bukan sahaja menarik perhatian pelancong, tetapi membuka ruang kepada pertukaran budaya, perkongsian ilmu, dan jalinan persahabatan antara negara-negara yang terlibat.

“Pelbagai jenis wau yang dibawa sempena program ini antaranya wau bulan, wau kucing, wau puyuh, dan pelbagai jenis wau tradisional lain yang menjadi identiti kita.

“Ada juga wau-wau moden dan inovatif yang dibawa oleh peserta dari pelbagai negara menambah dimensi baharu kepada pesta ini.” katanya.

Selain pertandingan membuat wau kebangsaan dan pertandingan wau bercahaya yang menjadi acara utama di pesta wau antarabangsa Kelantan 2025, pesta yang berlangsung selama empat hari itu juga turut diisi dengan pelbagai acara sampingan seperti persembahan kebudayaan, pameran dan demonstrasi kraf tangan, bengkel pembuatan wau, pertandingan mewarna bertemakan wau tradisi

Kelantan dan banyak lagi.

Untuk rekod, Kelantan telah muncul juara keseluruhan pada Pesta Wau Antarabangsa Kelantan pada kali ini.

Hadir sama dalam majlis perasmian penutup tersebut ialah Ahli Parlimen Bachok YB Mohd Syahir Che Sulaiman, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pantai Irama YB Mohd Huzaimy Che Husin, Ketua Polis Kelantan YDH CP Dato’ Mohd Yusoff Mamat, Presiden Majlis Pelayang Malaysia Dato’ Abdul Rahim Nin dan Pengarah Pusat Pelancongan Negeri Kelantan Nik Mohamad Fahmi Nik Daud.

PUSPA TERUS PERKASA ANAK BANGSA MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN ANAK ANGKAT



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Mei — Demi memartabatkan pendidikan dan pembinaan jati diri dalam kalangan generasi muda, Persatuan Kemajuan Wanita Profesional Kelantan di Kuala Lumpur dan Selangor (PUSPA) terus memacu langkah melalui Program Pembangunan Insan Anak Angkat, sebuah inisiatif kemasyarakatan yang kian kukuh sejak mula dilaksanakan secara rasmi pada tahun 2016.

Program yang mendapat sokon-

gan berterusan melalui kerjasama strategik bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sejak 2017 tersebut merupakan manifestasi kesungguhan NGO wanita profesional itu dalam memperkasa potensi remaja dari sudut akademik, sahsiah serta kemahiran abad ke-21.

Menurut Presiden PUSPA Prof. Emeritus Dr. Azizah Hamzah, usaha yang bermula secara tidak formal sejak awal pelaksanaan Program Anak Angkat PUSPA telah berkembang secara konsisten.

“Pada tahun 2016, kita mulakan pendekatan formal melalui program di Sekolah Menengah Sains Machang dengan penekanan kepada kemahiran berfikir dan kemahiran belajar,” ujarnya ketika ditemui media di Pejabat MAIK, Lundang pada Isnin.

Beliau ditemui selepas menyerahkan cek cura zakat berjumlah RM24,150 kepada Pegawai Zakat MAIK Ameer Azezy Tuan Abdullah sebagai simbolik komitmen PUSPA terhadap pembangunan

ummah.

Kata Prof Emeritus Dr. Azizah lagi, kerjasama dengan MAIK yang terjalin sejak 2017 telah membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk anak angkat PUSPA dan pelajar MAIK menyertai program yang diadakan secara berkala.

“Bermula di Pusat Kokurikulum Bachok, fokus utama program adalah peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan peserta,” ujarnya.



SUKMA 2028: UM-KERAJAAN NEGERI KELANTAN JALIN KERJASAMA BANGUNKAN DASAR SUKAN MESRA ISLAM



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Mei - Universiti Malaya (UM) dan Kerajaan Negeri Kelantan menandatangani memorandum kerjasama strategik dalam usaha membangunkan dasar sukan mesra Islam negeri Kelantan, sempena penganjuran temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2028 bagi memastikan pembangunan sukan dapat bergerak seiring dengan nilai-nilai Islam.

Timbalan Naib Canselor (TNC) UM, Prof Ir. Dr. Kaharudin Dimiyati berkata, program tersebut merupakan inisiatif pertama seumpamanya di Malaysia dan disifatkan sebagai satu usaha yang sangat murni dalam memperkukuhkan model sukan berteraskan prinsip syariah, bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat ke-

bangsaan dan antarabangsa.

“Insya Allah, saya yakin usaha membangun dasar dan polisi sukan mesra Islam ini akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan model sukan mesra Islam secara menyeluruh.

“Ia melambangkan komitmen bersama untuk menjadikan sukan bukan sahaja sebagai medan pertandingan di gelanggang bahkan menjadi medan pembangunan insan.”

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Pembangunan Dasar dan Polisi Sukan Mesra Islam Negeri Kelantan, di Mabna Kompleks Kota Darulnaim pada Khamis.

Katanya lagi, dasar sukan mesra Islam yang akan dibangunkan itu adalah hasil buah fikiran yang berani, progresif dan juga keter-

adapan.

“Dasar ini akan dibangunkan dengan melibatkan pelbagai elemen penting termasuk kesederhanaan dalam pemakaian atlet, penyusunan masa latihan berteraskan ibadah, pengasingan jantina secara beretika, pematuhan terhadap pemakanan halal dan bersih serta garis panduan bagi penyiaran dan liputan media selaras dengan adab dan syariah,” ujarnya.

Jelas Dr Kaharudin lagi, UM sebagai universiti penyelidikan komprehensif akan memainkan peranan penting dalam pelaksanaan projek berkenaan melalui kepakaran interdisiplin yang dimiliki fakulti-fakultinya seperti Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sains Sukan, Fakulti Perubatan dan lain-lain yang menyumbang kepada terbinanya dasar sukan mesra Islam ini.

“Antara fokus utama kerjasama ini termasuk penyediaan garis panduan khusus untuk jurulatih, atlet dan pegawai pengurusan, pelaksanaan kajian lapangan dan temubual mendalam serta pembangunan panduan pelaksanaan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

“Usaha ini juga disokong oleh geran penyelidikan yang melibat-

kan penyertaan ahli akademik dari pelbagai bidang.

“Kami di UM berasa terhormat untuk menjadi sebahagian daripada projek rintis ini. Ini mencerminkan kekuatan UM dalam menghadapi cabaran realiti masa kini dengan pendekatan penyelidikan berimpak tinggi.

“Insya Allah, kerjasama ini diyakini mampu menjadikan Kelantan sebagai peneraju dalam transformasi landskap sukan negara yang berteraskan nilai-nilai Islam.

“Lebih penting, atlet yang dilahirkan melalui dasar ini bukan sahaja mempunyai kekuatan fizikal, malah dibentuk dengan jiwa yang luhur, akhlak yang mulia serta semangat kesukanan sejati, seiring dengan maqasid syariah dan falsafah sukan dalam Islam,” jelasnya.

Dalam perjanjian tersebut, UM diwakili Dr. Kaharudin manakala Kerajaan Negeri Kelantan diwakili Timbalan Setiausaha (Pembangunan), Ahmad Adlie Yasin dan disaksikan oleh Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhamad bersama timbalannya, YB Bahari Mohamad Nor.

BIOK, EDH 2025 BERJAYA TARIK 8000 PENGUNJUNG

Oleh: Norzana Razaly

PASIR PUTIH, 31 Mei – Karnival Bio Kelantan (BioK) & Ekspo Dapur Hijau (EDH) 2025 berjaya menarik 8,000 pengunjung melalui pengisian ilmiah, inovatif dan mesra komuniti.

Program selama tiga hari dua malam yang berlangsung di Rhu Rehlah Pantai Bisikan Bayu itu menghimpun 26 jabatan dan agensi pusat serta negeri yang mengadakan pameran inovasi, teknologi, produk dan perkhidmatan bio.

Disokong oleh 37 syarikat dan usahawan bio terlibat dalam promosi jualan produk serta perkhidmatan bioteknologi, sekali gus menunjukkan peningkatan sekali kali ganda penyertaan berbanding tahun sebelumnya.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato Tuan Mohd Saripudin Tuan Is-



mail berkata daya saing dan minat mendalam usahawan tempatan menjadi petunjuk kukuh kepada perkembangan positif industri bio di Kelantan.

“Pengisian program turut merangkumi Seminar Bioekonomi Kelantan 2025, bengkel bio kesihatan, forum bioindustri serta tujuh siri demonstrasi bio tani termasuk pertanian organik, AI dalam penternakan, masakan ikan dan pembuatan silaj.

“Program SciensationBio kelo-

jaya menarik perhatian pelajar dan kanak-kanak menerusi eksperimen sains dan bio yang menyeronokkan. Inisiatif ini dapat menyemai minat awal dalam kalangan generasi muda terhadap bidang sains dan bioteknologi,” katanya dalam majlis perasmian penutup program, hari ini.

“Sebanyak 10 parlimen menyertai Ekspo Dapur Hijau yang menampilkan hasil tanaman pertanian bandar dan organik. Inisiatif ini bukan sahaja mempromosi konsep pertanian lestari malah mencat-

at hasil jualan yang menggalakkan, dengan beberapa parlimen meraih lebih RM8,000 sepanjang ekspo.

Karnival tersebut turut menyaksikan pelbagai pertandingan seperti Fun Run Kelulut, pertandingan mewarna, swafoto bio, video TikTok “Kebun Saya”, pertandingan inovasi bio peringkat IPT dan sekolah serta Anugerah Tokoh Usahawan Bio Kelantan 2025 oleh MARDI.

Lebih menarik, Bio Career Fair buat julung kalinya dianjurkan dengan sesi temuduga terbuka oleh empat syarikat tempatan.



LIQA MAHABBAH ULAMA DAN GURU PONDOK PERKUKUH UKHWAH, PERKUAT DASAR ISLAM

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Mei – Kerajaan Negeri Kelantan komited untuk memperkukuh hubungan antara ulama, guru-guru pondok dan kepimpinan negeri menerusi pengajuran Liqa Mahabbah Ulama dan Guru Pondok Kelantan 2025.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, program berkenaan menghimpun para asatizah dan guru pondok dari seluruh negeri bagi mengeratkan silaturahim dan menyatukan kekuatan ummah dalam semangat mahabbah dan muzakarah.

“Program seperti ini perlu diteruskan dan diperbanyakkan agar pertemuan antara umara dan ulama bukan hanya berlaku sekali, tetapi menjadi platform tetap untuk menyatukan suara dalam usaha menerapkan dasar Membangun Bersama Islam dalam setiap aspek pentadbiran negeri,” ujar beliau ketika berucap merasmikan majlis tersebut di Kediaman Rasmi Menteri Besar, JKR 10, hari ini.

Menurut YB Mohd Asri lagi, kerajaan negeri sentiasa bersedia untuk menganjurkan lebih banyak

muzakarah ilmu dan ijtima dalam membincangkan isu-isu penting umat Islam, selari dengan matlamat untuk menjadikan Islam sebagai teras pentadbiran dalam sektor ekonomi, sosial, kemasyarakatan dan sebagainya.

“Ulama dan umara mesti bersatu agar menjadi kekuatan yang ditakuti musuh Islam. Seperti yang ditegaskan oleh Almarhum Profesor Yusuf al-Qardhawi, topeng musuh-musuh Islam dan perancangan mereka untuk menghancurkan Islam telah terbongkar, maka umat Islam mesti hentikan perpecahan dan bersatu padu.

“Jadi umat Islam perlu menge-

lakkan dari sebarang pertelingkahan dan kekhilafan dan mesti membentuk kesatuan umat Islam yang amat ditakuti oleh musuh-musuh Islam pada zaman ini.” katanya.

Beliau juga menekankan bahawa para ulama perlu menjadi qudwah kepada masyarakat dan menggalas tanggungjawab mendidik golongan jahil mutanasik iaitu golongan yang amat jahil terhadap agama.

“Para ulama, kerajaan, NGO, intitusi pendidikan dan lain-lain hendaklah berganding bahu untuk menyelesaikan isu ini supaya dalam negeri ini tidak ada yang jahil mutanasik ini

“Para asatizah, guru pondok dan ulamak bukan setakat hanya mengajar di pondok dan madrasah sahaja, tetapi perlu turun padang melalui dakwah atau apa-apa program sekalipun seperti daurah dan sebagainya untuk mendidik golongan ini,” tegas beliau.

Tambah YB Mohd Asri, dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap kewajipan asas Islam seperti solat dalam kalangan rakyat Kelantan, kerajaan negeri turut merancang untuk menjalankan kajian terperinci mengenai jumlah rakyat Kelantan yang tidak menunaikan solat sebagai langkah menyelesaikan isu berkenaan.

Hadir sama dalam majlis tersebut, Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengerusi Ilmuan Islam Kelantan Dato’ Hasan Mahmood, Naib Pengerusi Ilmuan Islam Kelantan Dato’ Mohamad Awang, Timbalan Pengerusi Pusat Pembangunan Pondok Berhad Tuan Guru Awang Yusuf, Syekh Pusat Pengajian Pondok Moden, Kandis Tuan Guru Abdul Aziz Che Man dan Timbalan Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali Rosli Abdullah.





LIQA MAHABBAH ULAMA DAN GURU PONDOK PERKUKUH UKHWAH, PERKUAT DASAR ISLAM

NASI KERABU BAKAL DIANGKAT SEBAGAI IKON GASTRONOMI NEGARA

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Mei – Nasi Kerabu, sajian ikonik dari Kelantan, kini diangkat sebagai simbol gastronomi kebangsaan menerusi pelaksanaan Projek Harta Intelek dan Pelancongan Gastronomi yang menekankan perlindungan warisan kuliner melalui pendekatan harta intelek.

Program tiga hari bertemakan Intellectual Property (IP) and Gastronomic Tourism itu bermula hari ini di sebuah hotel Kota Bharu hasil kerjasama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Teknikal) MyIPO, Yusnieza Syarmila Yusoff bersama-sama Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan Sosial), Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan Zalifah Zulkifli.

Menurut Yusnieza Syarmilla, program berkenaan adalah lanjutan Fasa Kedua daripada inisiatif yang bermula sejak 2021 melalui kajian dan seminar kebangsaan yang telah meletakkan asas kukuh



dalam usaha mendokumentasikan serta melindungi warisan makanan tradisional.

“Fasa kedua ini memberi fokus kepada pemeraksanaan komuniti pengusaha makanan tradisional, khususnya Nasi Kerabu, dalam aspek pemilikan dan pengkomersialan harta intelek sebagai pemangkin kepada pembangunan pelancongan gastronomi negara,” katanya.

Tambahnya, Nasi Kerabu dipilih sebagai tunjang projek kerana mewakili ciri warisan budaya yang kaya dengan rasa, keunikan penyediaan serta keterikatan mendalam dengan identiti negeri Kelantan.

Program Induksi dan Bengkel Teknikal tersebut turut merancang persatuan keusahawanan/ko-

operasi tempatan yang berperanan menyelaraskan dan memantau penyediaan serta kawalan kualiti Nasi Kerabu secara bersepadu.

Antara peserta yang hadir dalam program hari ini termasuk wakil kementerian dan agensi kerajaan persekutuan serta pegawai pihak berkuasa tempatan seluruh Kelantan, pengusaha dan persatuan.

Sesi Bengkel Teknikal turut dijadual berlangsung pada 28 dan 29 Mei melibatkan penyertaan pengusaha makanan tradisional, usahawan, wakil industri pelancongan serta ahli akademik daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Sepanjang bengkel, peserta diberi pendedahan menyeluruh berkenaan aspek penjenamaan,

pembungkusan, serta pendaftaran cap kolektif sebagai langkah strategik memelihara keaslian Nasi Kerabu.

Panel-panel pakar dari Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) yang berpengkalan di Geneva seperti Kaunselor Kanan, Bahagian Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian dan Petunjuk Geografi, Jenama dan Sektor Reka Bentuk Jessamyn Honculada dan Pakar IP, Perunding Antarabangsa Prof Giulio Zanetti dari Itali.

Mereka turut membimbing peserta dalam pemahaman tentang cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan Petunjuk Geografi (GI).

Usaha tersebut dijangka membuka lembaran baharu kepada pembangunan industri makanan warisan di peringkat domestik dan antarabangsa, sekali gus menempatkan Nasi Kerabu sebagai warisan negara yang diiktiraf dunia.

Sehubungan itu pihak MyIPO memohon sokongan padu Kerajaan Negeri Kelantan melalui portfolio Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk sama-sama menjayakan usaha memartabatkan Nasi Kerabu melalui perlindungan harta intelek.

